

# Polis Marin patut pupuk kemahiran

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

LANGKAWI, Isnin — Polis Marin perlu meningkatkan keupayaan di bidang mengawal pencemaran akibat tumpahan minyak kapal dan kecemasan, selain mengawal keselamatan perairan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sejajar pertumbuhan ekonomi Langkawi, kerajaan berharap Polis Diraja Malaysia akan meningkatkan tahap profesionalisme dan kecakapan di kalangan pegawai dan anggotanya.

"Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan menyediakan RM5 juta untuk projek pembinaan pangkalan Polis Marin di Bukit Malut di sini sebagai lanjutan memastikan perairan Langkawi dan utara Semenanjung sentiasa terkawal," katanya ketika merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi di sini hari ini.

Majlis perasmian kompleks ibu pejabat yang lengkap dengan kediaman berharga RM28 juta itu dihadiri Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff; Menteri Pertanian dan Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Seri Sanusi Junid; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, dan beberapa Exco Kerajaan Negeri.

Hadir sama ialah Tim-

balan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor dan pegawai kanan polis Bukit Aman dan kontinjen Kedah.

Dr Mahathir berkata, pegawai dan anggota polis harus diberi latihan meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan serta pada masa yang sama, Polis Marin perlu menambah pengetahuan mereka bukan sahaja daripada aspek kawalan keselamatan tetapi pengetahuan sampingan seperti tindakan terhadap kecemasan, pencemaran disebabkan tumpahan minyak dan kebakaran kapal.

Menurutnya, Polis Marin akan dilengkapi peralatan lebih baik selaras dengan perkembangan pesat Langkawi, supaya setiap pihak yang ada kepentingan di pulau ini merasa keselamatan mereka terjamin.

"Dengan kejayaan polis mengekalkan keamanan dan keselamatan di Langkawi, pelancong dalam dan luar negara tidak perlu bimbang kerana keselamatan mereka sentiasa terjamin daripada ancaman dan bebas bergerak untuk melancong.

"Pelabur juga tidak harus khuatir dan harta benda mereka akan dipastikan selamat kerana polis sentiasa meningkatkan kawalan keselamatan di pulau itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, suasana aman damai wujud berikutan kecekapan pasukan polis mengawal keselamatan dan sentiasa peka terhadap perkembangan pulau ini, sama ada di daratan dan perairan.

Sehubungan dengan itu, keharmonian dan suasana aman di Langkawi perlu dikekalkan bagi memastikan keselamatan pelancong dan pelabur di pulau itu.

Menurutnya, usaha itu perlu kerana pembangunan Langkawi akan terus berkembang pada masa depan, terutama apabila kerjasama pelancongan segi tiga wilayah utara membabitkan Langkawi, Phuket di Thailand dan Danau Toba di Indonesia dilaksanakan.

Beliau berkata, polis perlu memastikan Langkawi tidak dicabuli ancaman lanun dan penyeludupan serta jenayah lain di daratan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yakin kemampuan polis memastikan keselamatan delegasi dan harta Pameran Lima 93, Disember ini dan persidangan antarabangsa yang diadakan dari semasa ke semasa di Langkawi.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan pasukan polis, termasuk balai ser-

ta kelengkapan dan kediaman yang selesa untuk anggotanya.

Menurutnya, pelaksanaan pembangunan balai dan kediaman tidak dilaksanakan secara serentak di seluruh negara kerana masalah kewangan.

Beliau berkata, pembangunan itu disediakan mengikut keutamaan, seperti di Langkawi yang perlu diselenggarakan dengan kepesatan pembangunan.

"Kita berhasrat melengkapkan pasukan polis dengan pelbagai kemudahan termasuk peralatan canggih tetapi ia akan dilaksanakan mengikut kemampuan," katanya.

Mengenai persediaan menjelang Lima 93, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan projek pembinaan hotel dan kompleks pameran serta persidangan yang akan digunakan.

Menurutnya, kerajaan juga berusaha menarik lebih ramai penyertaan, termasuk mengadakan promosi khusus di pertunjukan udara Paris, Perancis, tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, beberapa projek di Langkawi terpaksa dibangunkan menerusi konsep tebus guna kawasan pantai kerana ada antara penduduk pulau itu enggan membenarkan tanah mereka diambil alih.

5.11.93